



## **MOHD NUR FAILLUL ADAM**

### **LATAR BELAKANG**

Beliau memulakan langkahnya di dalam bidang tarian dengan tarian Breakdance di jalanan sebelum beliau menyambung pengajian di peringkat Diploma Seni Tari pada tahun 2005 dan Ijazah Sarjana Muda Tari dengan Kepujian pada tahun 2008 di Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA).

Selama enam tahun berada di ASWARA beliau telah mendapat pelbagai jenis latihan dan pengalaman seperti teknik tarian rakyat dan klasik Melayu, tarian Klasik Bharatanatyam, tarian rakyat Cina, tarian etnik Sabah dan Sarawak. Beliau juga mempelajari teknik tarian balet dan moden termasuklah teknik *Martha Graham*, *Lester Horton* dan *Merce Cunningham* di bawah tunjuk ajar Umesh Shetty, Suhaili Michelline, dan Tan Kooi Lan.

Selain itu, beliau pernah bekerja dengan koreografer tempatan seperti Zhou Gui Xin, Steve Goh, Wong Kit Yaw, Joseph Gonzales, Suhaimi Magi, Js Wong, Suhaili Michelline, dan beberapa koreografer dari luar negara seperti Wendy Rogers (United States), Helene Cathala (Perancis), John Scott (Ireland), Michael Keegan Dolland (Ireland), dan Anton Lachky (Iceland).

Pada tahun 2006, beliau telah mempersembahkan sebuah produksi berdurasi panjang *The Dying Eyes* anjuran Lapar, *Tunku the Musical* arahan Joe Hasham di Kuala Lumpur Performing Arts Centre pada tahun 2009, terlibat dalam International

Cultural Exchange Program For The Performing Arts anjuran The John F. Kennedy Centre of the Performing Arts dengan kerjasama the Bureau of Educational and Cultural Affairs of the United States Department of States untuk menghadiri bengkel tari, menonton persembahan, dan melawat tempat-tempat kesenian di New York dan Philadelphia.

Selain persembahan di Malaysia, beliau juga banyak terlibat dengan persembahan di luar negara seperti *Legend: The Journey Begins* kolaborasi bersama *Maya Dance Theatre* pada tahun 2009 di Singapura, *Malaysian Week* bersama ASWARA dan Istana Budaya pada tahun 2007 di England, *Swamiji Shantanad Saraswati Festival* pada tahun 2010 di India, *Dance Teens Festival* pada tahun 2010 di Hong Kong, *Swan Arts Festival* pada tahun 2010 di Australia, *72<sup>nd</sup> Anniversary of Pondok Bantan* pada tahun 2012 di Thailand, *Dance Exchange* pada tahun 2012, *No Ballet Competition* pada tahun 2012 di Jerman, *Marketplace of Creative Arts* pada tahun 2012 di Indonesia, *Muara Arts Festival* pada tahun 2012 di Singapura, *Contact Festival* pada tahun 2012 di Singapura, dan Konsert Ekspresi Karya Gemilang kolaborasi antara selebriti Malaysia dan Indonesia pada tahun 2012 di Indonesia.

Beliau terpilih sebagai tenaga pengajar di *Battery Dance Company* dari United States di bawah program *Dancing to Connect* di Sekolah Pengajian Seni, Universiti Malaysia Sabah bersama Robin Cantrell pada tahun 2012.

Pada tahun 2013, beliau telah mendapat biasiswa penuh dari ASWARA untuk melanjutkan pengajiannya ke peringkat *Master in Contemporary Dance Performance* di *University of Limerick*, Ireland.

Pada tahun 2014, beliau terpilih untuk program *Step Up* di Ireland bersama *Fabulous Beast Dance Theatre*, beliau juga terpilih untuk terlibat dalam *Southeast Asia Choreolab* anjuran *MyDance Alliance* di Rimbum Dahan bersama koreografer

German Arco Renz pada tahun 2015, pada tahun yang sama juga beliau menyertai *Connectivity Through Dance* anjuran *World Dance Alliance* di Singapura sebagai pembentang Pecha Kucha dan peserta festival. Pada tahun 2016 pula, beliau telah turut serta di *Dance Routes – Dance Roots: Connecting the Local to Global* anjuran *World Dance Alliance* di Korea Selatan sebagai koreografer, penari, dan peserta festival.

## **PENCAPAIAN**

Beliau juga telah memenangi anugerah *Best Choreographer in a Mixed-Bill* di *BOH Cameronian Arts Award 2016* bagi karya kolaborasi bersama Suhaili Michelline berjudul *Nasi Ekonomi*, dan beliau juga merupakan salah seorang penerima anugerah *Krishen Jit Astro Fund* dan membuat persembahan berdurasi panjang berjudul *Langkau* kolaborasi tari dan teater.

Pada Februari 2017, beliau telah diberi peluang bekerja bersama Dr. Norzizi Zulkifli dalam pementasan semula *Thorne of Thorns* di *ASWARA* kerjasama dengan *University of Wollongong*, Australia. Beliau turut bekerja sebagai koreografer dalam persembahan *Swordfish + Concubine* di *The Kuala Lumpur Performing Arts Centre (KLPAC)* pada bulan November 2017 di bawah arahan Kee Thuan Chye. Pada tahun 2018, beliau terpilih sebagai *ordinary member* untuk *Interdisciplinary Festival of Embodiment* anjuran *Unity Space* kolaborasi bersama *KLPAC* dan *Damansara Performing Arts Centre (DPAC)* sebagai peserta festival. Pada tahun yang sama, beliau telah membuat pembentangan dalam *The Eleventh Malaysian Studies Conference* anjuran *Malaysian Social Science Association* di Langkawi, Kedah pada bulan Ogos 2018. Pada bulan September 2018, *The International Journal of Arts, Culture, and Heritage (IJACH)* akan menerbitkan hasil penulisan beliau yang bertajuk *Mengesan Tenaga: Penyelidikan Tenaga Dalam dan Luaran Melalui Proses Koreografi*.